

Kaitan harga baru minyak, subsidi

B.H 06/06/08 M/S 10

Kerajaan perlu segera beri penjelasan terperinci elak dieksploitasi

Oleh Kadir Dikoh

APABILA kerajaan mengumumkan kenaikan harga minyak kelmarin, ramai rakyat marah, menggeluh malah melemparkan pelbagai kecaman terhadap kerajaan sehingga mula berlaku demonstrasi di ibu negara anjuran sebuah parti pembangkang.

Sudah pasti ini bukan satu tindakan popular dan dari segi politik, ia dijangka memberi kesan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) jika tidak ditangani dengan sebaik mungkin kerana isu ini 'terus menyusuk ke dapur' rakyat.

Pemimpin de facto Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang sentiasa memainkan emosi rakyat, dalam satu kenyataan semalam pula terus mempersoalkan ke mana keuntungan Petronas dan mengulangi pendirian Pakatan Rakyat untuk menurunkan harga minyak jika berkuasa.

Seperti biasa, Petronas menjadi sasaran kemarahan seperti juga ketika kerajaan kali terakhir menaikkan harga minyak pada 28 Februari 2006. Sesetengahnya mempersoalkan mengapa keuntungan besar Petronas tidak diguna pakai untuk mengurangkan bebanan rakyat seperti dalam bentuk subsidi dan sebagainya.

Sebelum membicara lanjut mengenai syarikat Petroliam Nasional Bhd itu, elok dilihat senario dunia pada masa kini berikutan kenaikan harga minyak. Nelayan di Jepun merancang untuk mengadakan protes secara besar-besaran. Di Indonesia, sepanjang minggu lalu setiap hari berlaku demonstrasi

INFO	RM bilion
Bayaran Petronas kepada kerajaan	2007
■ Cukai	21.8
■ Dividen	20.0
■ Royalti	8.5
■ Duti Eksport	2.0
■ Jumlah	52.3



daan sebenar. Semakin naik harga minyak di pasaran global, semakin meningkat laba Petronas dan keuntungan berbilion ringgit itu boleh digunakan untuk menampung bebanan rakyat dalam keadaan rumit seperti sekarang. Itulah tanggapan sebahagian rakyat terhadap Petronas.

Bagaimanapun, Presiden merangkap Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican dalam taklimat kepada media semalam menjelaskan bahawa keuntungan diraih Petronas diberi semula kepada kerajaan.

"Misalnya, tahun lalu jumlah Petronas bayar kepada kerajaan ialah RM52.3 bilion merangkumi cukai, dividen, royalti dan duti eksport. Jumlah ini merangkumi 35 peratus kepada hasil kerajaan.

"Bagi Petronas, antara 60 dan 65 peratus keuntungan dibayar balik kepada kerajaan setiap tahun. Sejak kewujudan Petronas pada 1974, ia sudah mengembalikan RM335.7 bilion kepada kerajaan setakat ini," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa orang ramai mungkin tidak tahu betapa Petronas terpaksa berdepan dengan kenaikan kos cari gali yang kian meningkat iaitu lebih besar daripada peningkatan harga minyak.

Malah, katanya, bagi industri gas dan minyak di negara ini, Petronas membelanjakan kira-kira RM40 bilion setahun untuk kos cari gali, pembangunan dan kos lain, manakala 10 peratus atau RM4 bilion daripada jumlah itu digunakan untuk kos penyelenggaraan.

"Keuntungan yang kami dapat kami labur semula. Dalam sebarang perniagaan

...nggu lalu setiap hari berlaku demonstrasi terutama oleh mahasiswa universiti berikutan tindakan kerajaan menaikkan harga minyak beberapa minggu lalu.

Kelmarin, ratusan nelayan Britain mengadakan demonstrasi kerana harga minyak naik dan begitu juga berlaku di Bulgaria, Perancis, Belanda dan Sepanyol yang turut membabitkan pemandu trak. Malaysia dan India masing-masing mula menaikkan harga minyak kelmarin dan semalam berlaku demonstrasi yang hampir melumpuhkan kegiatan di tiga negeri di India.

Tiada apa yang boleh dilakukan dengan fenomena global itu melainkan menaikkan harga minyak dalam negara, tetapi yang menjadi persoalan ialah mengapa kenaikan itu terlalu tinggi sehingga 78 sen seliter bagi harga petrol di pam minyak.

Malah, sudah kedengaran kemungkinan berlaku kenaikan bagi kos pengangkutan seperti bas penumpang, bas sekolah, harga barangan tertentu dan sektor perkhidmatan. Semuanya ini pasti memberi impak ke atas inflasi yang dijangka melepasi lima peratus bulan ini, meningkat 4.2 peratus daripada anggaran awal pada 2.5 peratus

bagi keseluruhan tahun ini.

Keadaan itu sekali gus akan memberi tekanan kepada perbelanjaan pengguna dan pelaburan perniagaan. Fenomena sejagat itu juga mengheret prestasi bursa saham serantau, manakala Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) dalam reaksi spontan berikutan peningkatan harga bahan api dan kenaikan tarif elektrik, menyaksikan penurunan 29.56 mata atau 2.36 peratus kepada 1,223.56 pada penutup jam 5 petang semalam.

Kerajaan sepatutnya mengumumkan kenaikan itu selepas memberi penjelasan terperinci mengenai mekanisme subsidi, taklimat kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri selain pihak media, supaya rakyat lebih bersedia, bukan secara mengejut sehingga stesen minyak di seluruh negara diserbu hingga lewat malam kelmarin.

Ketika orang ramai menjangka kenaikan minyak akan berlaku pada Ogos, berikutan kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Samad sebelum ini bahawa harga

petrol dan diesel di negara ini dijangka diapungkan mengikut harga pasaran global selepas mekanisme baru skim subsidi bahan api dilaksanakan kerajaan Ogos ini, kelmarin orang ramai dikejutkan dengan berita kenaikan itu.

Ini bermakna, mulai sekarang kerajaan perlu menjelaskan dengan lebih bijaksana rasional kenaikan itu kepada rakyat biasa dan pada masa sama, golongan bijak pandai termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta Ahli Parlimen pembangkang hendaklah berbicara secara profesional, bukan memainkan emosi rakyat yang mudah 'terbakar' dalam keadaan sekarang.

Mungkin rasanya lebih baik bagi mana-mana pihak untuk tidak lagi membandingkan harga minyak dalam negara kita dengan beberapa negara lain terutama Singapura, kerana rakyat sudah bosan mendengar perbandingan seperti itu. Harga petrol di Singapura tinggi adalah kerana ia berdasarkan harga pasaran global, tanpa subsidi seperti di negara kita.

Sudah pasti Petronas turut memikul beban untuk sama-sama menjelaskan kea-

bur semula. Dalam sebarang perniagaan, anda terpaksa melabur semula, jika tidak ia tidak berjalan. Terlalu banyak tumpuan diberikan kepada harga minyak yang tinggi, tetapi terlalu sedikit diperkatakan mengenai kos," katanya.

Apabila ditanya bagaimana Petronas memperoleh faedah daripada kenaikan harga petrol dan diesel yang diumumkan kerajaan kelmarin, Mohd Hassan dengan cepat menjawab 'tidak ada satu sen pun'.

Malah, katanya, kerajaan dan Petronas secara bersama masih memberi subsidi petrol, diesel serta gas berjumlah kira-kira RM36 bilion tahun ini. Berdasarkan jumlah penggunaan petrol serta diesel tahun lalu iaitu masing-masing 11 bilion liter dan 6.2 bilion liter, jumlah subsidi yang perlu ditanggung kerajaan bagi kedua-dua bahan bakar itu tahun ini ialah RM5.16 bilion.

Katanya, sebanyak RM3.3 bilion adalah subsidi untuk petrol, manakala RM1.86 bilion untuk diesel. Kerajaan masih memberikan subsidi 30 sen seliter bagi petrol dan diesel di sebalik keputusan menaikkan harga kedua-dua bahan bakar itu masing-masing sebanyak 78 sen dan RM1 seliter.